



Ruj. Kami: JPNPk.SP.KOKU 600-3/1 Jld. 3 ()

Tarikh: 26 Syaaban 1440H
2 Mei 2019

Pengetua,
Sekolah Menengah,
Seluruh negeri Perak.

Tuan,

HEBAHAN PERTANDINGAN ANTARTIKA LESTARI 2019 (MENCIPTA KOMIK) – SEKOLAH MENENGAH

Sukacita merujuk perkara di atas. Surat Bahagian Pendidikan Sukan dan Seni (BPSS), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), KPM.600-14/1/20 JLD. 29 (78) dilampirkan untuk perhatian dan tindakan selanjutnya pihak tuan.

2. Dimaklumkan bahawa Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan menganjurkan pertandingan tersebut di bawah seliaan Kementerian Pendidikan Malaysia.

3. Sehubungan dengan itu, jabatan ini memanjangkan hebahan ini kepada pihak tuan agar dapat memaklumkan kepada semua murid untuk menyertai pertandingan ini. Sekolah yang berminat perlu mematuhi semua peraturan yang terkandung dalam pekeliling, surat siaran dan kenyataan media terkini yang sedang berkuatkuasa antaranya:

3.1 **SPI Bil. 9/2000 - Panduan Keselamatan Diri Pelajar Semasa Pengajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan serta Kegiatan Kokurikulum dan Sukan Di Dalam dan Di Luar Kawasan Sekolah** bagi penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum.

3.2 **SPI Bil. 5/2018 - Garis Panduan Perwakilan Kuasa Daripada Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan Guru Kepada Pendaftar Bagi Kelulusan Permohonan Oleh Pihak Luar Menjalankan Aktiviti Melibatkan Murid, Guru dan Institusi Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia** bagi penyertaan murid dengan aktiviti anjuran agensi luar.

3.3 Penglibatan guru perlu dengan sukarela dan tanpa paksaan, tertakluk kepada **SPI Bil. 9/2016 (Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Menengah)** berhubung peruntukan waktu PdP mengikut jam kredit setahun serta **Surat Siaran KPM Bil. 2/2016 (Peringatan Pelaksanaan Bekerja Lima Hari Seminggu)**.

4. Tiada sebarang implikasi kewangan terhadap Jabatan Pendidikan Negeri Perak dan Pejabat Pendidikan Daerah. Sebarang pertanyaan, hubungi Sekretariat

Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan di talian **03 2691 0561** / e-mel:
faiz@ypasm.my

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(AZNAN BIN HJ. ALIAS, AMP.)
Ketua Sektor,
Sektor Pengurusan Penilaian dan Peperiksaan,
b.p. Pengarah Pendidikan Negeri Perak.

- s.k.
1. Pengarah Pendidikan Negeri Perak
 2. Pegawai Pendidikan Daerah seluruh negeri Perak
 3. Sekretariat Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan